



## **SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR**

---

### **JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) NEGERI SELANGOR KELUARKAN TIGA PULUH (30) KOMPAUN DENGAN NILAI KESELURUHAN RM60,000 KEPADA PEMILIK PREMIS YANG MENGAKIBATKAN GANGGUAN AIR TIDAK BERJADUAL**

---

**19 MAC 2020, PUTRAJAYA** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor mengeluarkan tiga puluh (30) kompaun dengan nilai keseluruhan sebanyak RM60,000 kepada pemilik premis di Kg. Sungai Dua, Rawang yang telah menyebabkan pencemaran bau hingga mengakibatkan gangguan air tidak berjadual melibatkan beberapa kawasan iaitu di Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat pada 17 Mac 2020.

JAS menegaskan bahawa selain daripada tindakan mahkamah, tangkapan boleh dibuat kepada mana-mana pihak yang melakukan pencemaran atau disyaki melakukan pencemaran di bawah peruntukan Seksyen 37C Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Semasa operasi penguatkuasaan bersepadu yang dijalankan semalam, JAS mendapati premis telah melanggar Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 yang mana minyak-minyak enjin terpakai dan pelarut tidak

diuruskan dengan baik serta tidak menyelenggara perangkap minyak sehingga menyebabkan longkang air hujan dicemari sisa minyak bercampur pelarut.

Sampel buangan telah diambil sebagai bahan bukti dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk analisis komposisi buangan. JAS Negeri Selangor kini menyediakan Kertas Siasatan bagi pendakwaan di bawah Seksyen 16(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 ke atas sebuah lagi premis yang beroperasi di kawasan Rawang Integrated Industrial Park.

JAS Negeri Selangor akan meneruskan tindakan penguatkuasaan ke atas lain-lain punca berpotensi mencemar sungai bagi mencegah berulangnya hentitugas LRA Sungai Selangor. Pada masa kini, tumpuan diberi kepada premis-premis yang terletak dalam lingkungan 1 km radius daripada lokasi pencemaran bau dikesan yang melibatkan sebanyak 21 buah premis.

Selain itu, JAS teruskan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bagi membanteras pencemaran sumber air melalui pendekatan secara bersepadu, perkongsian data raya, penggunaan teknologi bagi mengesan kes pencemaran seperti *drone* dan sebagainya.

JAS juga ingin menarik perhatian bahawa penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran di seluruh negara berjalan seperti biasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa. Tangkapan ke atas pesalah alam sekitar di bawah peruntukan Seksyen

37C Akta juga boleh diambil tanpa waran. Ini bagi memastikan kesejahteraan alam sekitar dan rakyat khususnya tetap terpelihara daripada ancaman pencemaran.

**-TAMAT-**

**Sebarang maklumat lanjut sila hubungi:**

Puan Nor Aziah Binti Jaafar  
Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor  
Emel: [aziah@doe.gov.my](mailto:aziah@doe.gov.my)

Encik Sharudin Rosli  
Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Alam sekitar Putrajaya  
Emel: [sharudin@doe.gov.my](mailto:sharudin@doe.gov.my)

Dikeluarkan pada 19 Mac 2020, 2.00 petang.

## Lampiran

### Gambar premis

